



## SIAPAKAH SYUHADA'?

Boleh dikatakan seluruh negara merakamkan takziah di atas kematian jurukamera BernamaTV, Noramfaizul Mohd. Nor, yang maut akibat terkena tembakan peluru sesat semasa membuat liputan Misi kemanusiaan Kelab Putera 1Malaysia di Mogadishu, Somalia, pada 2 September lepas. Jenazah Allahyarham Noramfaizul yang tiba di Malaysia disambut secara besar-besaran di mana Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri adalah antara yang turut hadir. Najib menyifatkan Noramfaizul sebagai seorang wira negara. Dalam masa yang sama, banyak pihak yang mengesakan dan mempertikaikan aspek keselamatan yang diambil oleh Kelab Putera 1Malaysia sehingga boleh menyebabkan salah seorang peserta misinya terkorban. Mengulas isu kematian Noramfaizul, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menyifatkannya sebagai mati syahid kerana Allahyarham terkorban semasa misi membantu meringankan penderitaan dan kesengsaraan rakyat Somalia yang majoritinya beragama Islam. Allahyarham layak diberi pengiktirafan tertinggi itu kerana telah membuka mata rakyat negara ini akan penderitaan yang dialami rakyat Somalia, ujar Harussani [UM 04/09/11]. Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Noh Gadut juga menyifatkan kematian Allahyarham Noramfaizul sebagai mati syahid akhirat kerana terkorban ketika bertugas dalam misi menghapuskan kejahatan, kemiskinan dan penyakit yang melanda Somalia. Beliau berkata, mati syahid terdiri daripada tiga bahagian iaitu mati syahid dunia, mati syahid akhirat dan mati syahid dunia akhirat. "Syahid dunia menjurus kepada peperangan kerana dunia, syahid akhirat pula merujuk kepada kematian yang disebabkan penyakit berbahaya seperti wabak taun atau ditembak, manakala pejuang yang mati disebabkan perang bagi mempertahankan agama Islam pula dianggap mati syahid dunia akhirat. "Dalam kejadian menimpa arwah, pahala kematiannya insya-Allah syahid akhirat, namun urusan pengebumiannya masih perlu melalui proses sama seperti jenazah lain iaitu dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan akhir sekali dikuburkan di tanah perkuburan," katanya [BH 05/09/11].

Kita tidak boleh menolak keberanian jurukamera BernamaTV itu di dalam membuat liputan di negara yang bergolak seperti Somalia. Juga, kita seharusnya bersimpati dengan keluarga arwah di atas pemergiannya secara mengejut. Namun, sebagai umat Islam, segala sanjungan dan perasaan simpati kita terhadap orang yang meninggal, hendaklah dilakukan sesuai dengan hukum berdasarkan fakta dan nas, bukannya dilakukan untuk meraih sokongan atau populariti. Kita diperintahkan oleh Rasulullah SAW untuk menyatakan kebenaran walaupun pahit. Justeru, Sautun Nahdhah kali ini akan memaparkan nas-nas berhubung mati syahid agar para pembaca dapat memahaminya dengan lebih jelas dan membuat penilaian sama ada seseorang itu termasuk sebagai *syuhada'* atau tidak.

### Mati Syahid

*Asy-Syuhada'* (*jama'iplural* dari *asy-syahid*) terdiri dari tiga jenis iaitu:-

**Pertama:** Syahid di akhirat sahaja, tanpa pemberlakuan hukum-hukum syahid di dunia – Golongan ini disebutkan dalam beberapa hadis. Dalam sebahagian riwayat disebutkan ada tujuh golongan, dalam sebahagian riwayat ada lapan, dalam sebahagian riwayat ada sembilan dan dalam sebahagian riwayat lain, ada sebelas golongan. Yang benar adalah sebagaimana yang disebut dalam *Sahih Muslim* bahawa mereka terdiri daripada lima golongan. Mereka adalah (i) *al-math'un*, iaitu orang yang mati kerana wabak ta'un yakni penyakit menular (ii) *al-mabthun*, iaitu orang yang mati kerana sakit perut (iii) *al-ghariq*, iaitu orang yang mati kerana tenggelam (iv) *shahibul hadm*, iaitu orang yang mati ditimpa bangunan runtuh (v) orang yang mati di jalan Allah untuk menegakkan kalimah Allah selain dalam peperangan.

Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Ketika seorang lelaki berjalan di sebatang jalan, dia mendapati ranting berduri di tengah-tengah jalan lalu dia menyingkirkannya. Maka Allah memujinya dan mengampuni dosanya. Baginda juga bersabda, "Syuhada' ada lima orang, *al-math'un*, *al-mabthun*, *al-ghariq*, *shahibul hadm* dan *syahid di jalan Allah 'Azza wa Jalla*." Muslim juga meriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Siapakah yang kalian anggap syahid di antara kalian?" Para sahabat menjawab, "Wahai Rasulullah, orang yang terbunuh di jalan Allah adalah syahid." Baginda bersabda, "Kalau begitu, syuhada' dari kalangan umatku sangatlah sedikit." Mereka berkata, "Lantas siapakah mereka wahai Rasulullah?" Baginda bersabda, "Orang yang terbunuh di jalan Allah adalah syahid, orang yang mati di jalan Allah adalah syahid, orang yang mati kerana ta'un adalah syahid dan orang yang mati kerana sakit perut adalah syahid." Ibnu Muqassam berkata tentang hadis ini bahawa Rasul berkata, "dan *al-ghariq* adalah syahid."

Yang dimaksud dengan kesyahidan mereka adalah bahawa mereka mendapatkannya pahala syuhada' di akhirat sedangkan di dunia mereka tetap dimandikan dan disolatkan. Jika kata "syahid" diucapkan dalam kaitannya dengan pahala, maka penyebutan "syahid" ini untuk mereka adalah benar. Sedangkan jika kata "syahid" diucapkan dalam pembicaraan yang disebutkan tanpa *qarinah* (penunjukan) apa pun, maka kata tersebut tidak mengarah kepada mereka tetapi mengarah kepada orang yang terbunuh di jalan Allah sahaja.

**Kedua:** Syahid di dunia sahaja dan tidak termasuk akhirat - ia adalah orang yang mendapatkan (pemberlakuan) hukum syahid di dunia, dari sisi bahawa mereka tidak dimandikan dan tidak disolatkan melainkan dikuburkan dengan pakaian mereka seadanya. Tetapi di akhirat

mereka tidak mendapatkan pahala syuhada' yang berperang demi meninggikan kalimah Allah. Mereka adalah orang yang berperang bukan kerana Allah, iaitu berperang kerana *sum'ah* (ingin didengar/terkenal) atau demi *ghanimah* (harta rampasan perang) sahaja atau berperang tetapi cenderung mundur (lari dari musuh). Ini kerana, hadis-hadis tentang "syahid" hanya mengkhususkan pahala syahid bagi mereka yang berperang di jalan Allah dalam keadaan terus maju menghadapi musuh dan tidak mundur (lari darinya).

Muslim meriwayatkan melalui Abu Musa Al-Asy'ari, bahawa seorang lelaki mendatangi Nabi SAW lalu berkata, "Wahai Rasulullah, ada lelaki yang berperang demi *ghanimah* dan ada lelaki berperang agar dia disebut-sebut namanya (terkenal) dan ada lelaki yang berperang agar kedudukannya dilihat (dihormati). Lantas siapakah yang (sebenarnya) berjihad di jalan Allah?" Rasulullah SAW bersabda, "Siapa yang berperang demi menjadikan kalimah Allah yang tertinggi, maka dialah orang yang berjihad di jalan Allah." Muslim juga meriwayatkan dari Abu Musa, dia berkata, Rasulullah SAW ditanya tentang lelaki yang berperang agar dikenal sebagai pemberani, berperang kerana fanatisme dan berperang kerana *riya'* (ingin dilihat) lantas siapakah yang berjihad di jalan Allah? Rasulullah SAW berkata, "Barangsiapa yang berperang demi menjadikan kalimah Allah yang tertinggi, maka dia berjihad di jalan Allah."

Rasul telah mensyaratkan pengampunan dosa bagi syuhada' yakni mereka mestilah orang yang berperang dengan terus maju dan tidak mundur. Muslim meriwayatkan melalui Abdullah bin Abu Qatadah dari Qatadah bahawa Abdullah mendengar Qatadah menceritakan hadis dari Rasulullah SAW, "Bahawasanya Rasul berdiri di antara para sahabat, lalu menyampaikan kepada mereka bahawa jihad di jalan Allah dan berimana kepada Allah SWT adalah perbuatan yang paling utama. Seorang lelaki bertanya, "Bagaimana pendapatmu jika aku terbunuh di jalan Allah, apakah dosa-dosaku akan diampuni?"

### SEMINAR NEGARA ISLAM

**"CIRI-CIRI NEGARA ISLAM MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH"**

Tarikh: 25 September 2011 (Ahad)

Tempat: Khilafah Centre, No. 47-1, Jalan 7/7A, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor (Tel: 013-3396359 Abu Syahid)

Masa: 8.30 pagi - 12.30 tghari

Ahli Panel: (1) Ust. Abdul Hakim Othman (Presiden HTM)  
(2) Dr. Muhammad Abu Al-Ain (AJK Pusat HTM)

Rasulullah SAW bersabda, 'Ya, jika kamu terbunuh di jalan Allah, jika kamu orang yang sabar, terus maju menghadapi musuh dan tidak mundur (lari dari peperangan)'. Lalu Rasulullah SAW bertanya, 'Bagaimana menurutmu?' Lelaki tersebut bertanya lagi, 'Jika aku terbunuh di jalan Allah apakah dosa-dosaku akan di ampuni?' Rasulullah SAW bersabda, 'Ya, jika kamu orang yang sabar, terus maju menghadapi musuh dan tidak mundur (lari dari peperangan), kecuali hutang, kerana Jibril as telah mengatakan hal itu kepadaku'. Mafhum hadis ini adalah bahawa jika dia berperang sambil mundur (hendak melarikan diri) maka dosa-dosanya tidak diampuni dan dia tidak akan mendapat pahala syahid.

Selain itu Rasul SAW telah menjelaskan bahawa orang yang berperang kerana *sum'ah* (agar terkenal) akan diazab, meskipun baginda menamakannya dengan "syahid". Muslim meriwayatkan dari Sulaiman bin Yasir, dia berkata bahawa orang-orang telah bubar dari (majlis) Abu Hurairah. Lalu salah seorang penduduk Syam berkata, "Wahai tuan, ceritakanlah kepada kami sebuah hadis yang engkau dengar dari Rasulullah SAW". Abu Hurairah berkata, 'Baik, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya manusia yang pertama diadili pada hari kiamat adalah lelaki yang mati syahid. Dia dibawa ke hadapan Allah dan Allah memberitahukan kenikmatan kepadanya lalu dia mengetahuinya. Allah berfirman: Apakah yang kamu lakukan di dunia?" Dia berkata, "Aku telah berperang di jalanMu hingga aku syahid". Allah berfirman, 'Engkau berdusta. Sebenarnya engkau berperang kerana ingin dikatakan sebagai pemberani dan hal itu telah dikatakannya. Lalu Allah memerintahkan untuk membawanya, maka orang itu diseret di atas wajahnya hingga akhirnya dia dilemparkan ke dalam neraka...".

Ini menunjukkan bahawa orang yang berperang kerana *sum'ah* (agar terkenal) meskipun dia mendapatkan hukum syahid di dunia tetapi pada hari kiamat dia tidak mendapatkan pahala syahid, malah akan disiksa.

**Ketiga:** Syahid di dunia dan akhirat – adalah orang yang berperang demi meninggikan kalimah Allah lalu dia terbunuh dalam peperangan antara kaum Muslimin dan puak kuffar, baik peperangan terjadi di Darul Harb (negara kafir) mahupun di Negara Islam. Allah SWT berfirman, "Dan janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang terbunuh di jalan Allah itu mati. Tetapi mereka tetap hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapatkan rezeki" [TMQ Ali Imran (3):169]. Syahid inilah yang dimaksudkan oleh syara'. Dan ini khusus bagi orang yang terbunuh dalam peperangan menentang orang-orang kafir. Demikian juga orang yang terluka dalam peperangan lalu dia mati (di luar peperangan) hasil akibat luka tersebut, juga dianggap syahid sebagaimana orang yang terbunuh dalam peperangan. Sedangkan selain itu, maka tidak dianggap sebagai mati syahid.

Dengan demikian, orang yang terbunuh dalam peperangan menentang *bughat* (pemberontak) tidak dianggap sebagai mati syahid. Begitu juga bukan mati syahid orang yang terluka dalam peperangan lalu sembuh dari lukanya dan mati setelah itu. Jadi, mati syahid yang memiliki hukum-hukum khusus dan yang difirmankan oleh Allah bahawa dia tetap hidup, hanya khusus berlaku bagi orang yang terbunuh dalam peperangan dengan orang-orang kafir untuk meninggikan kalimah Allah dan orang yang terluka dalam peperangan tersebut lalu dia mati kerana lukanya tersebut.

### Hukum Memandi Dan Mengkafani Orang Yang Mati Syahid

Antara hukum khusus berkenaan orang yang mati syahid adalah dari aspek memandi dan mengkafkannya. Orang yang syahid tidak perlu dimandi atau dikafkan, malah boleh terus dikuburkan bersama darah dan pakaian yang dipakainya ketika mati. Ini kerana orang-orang yang mati syahid akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan bau darahnya sangat harum seperti kasturi. Berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dari Jabir, dia berkata, "Sesungguhnya Rasulullah SAW mengumpulkan dua orang lelaki di antara orang-orang yang gugur dalam perang Uhud dalam satu kain. Lalu baginda bersabda, "Siapakah di antara mereka yang paling banyak menghafal al-Quran?" Apabila baginda ditunjukkan kepada salah seorang dari keduanya, lalu baginda mendahulukannya ke dalam lahad. Baginda bersabda, "Aku adalah saksi bagi mereka" dan baginda memerintahkan pengkebumian mereka dengan darah mereka. Mereka tidak disolatkan dan tidak dimandikan". An-Nasa'i meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda tentang orang-orang yang terbunuh dalam perang Uhud, "Selimutilah mereka dengan darah

mereka dan janganlah kalian memandikan mereka kerana tidak ada seorang pun yang terluka di jalan Allah kecuali dia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan darahnya mengalir berwarna darah sedangkan baunya adalah bau kasturi". Diriwayatkan dari Anas, "Bahawa Nabi SAW tidak mensolatkan orang-orang yang terbunuh dalam perang Uhud dan tidak memandikan mereka" [HR Asy-Syafi dalam Musnadnya].

Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa orang yang syahid langsung tidak boleh disolatkan. Ini kerana terdapat beberapa riwayat bahawa Rasul SAW mensolatkan orang-orang yang terbunuh dalam perang Uhud setelah mereka dimakamkan. Baginda juga mensolatkan Hamzah (bapa saudara baginda) dan juga seorang lelaki yang terbunuh dalam peperangan. Dalam Sahih al-Bukhari diriwayatkan dari Uqbah bin Amir, "Bahawa Nabi SAW mensolatkan orang-orang yang terbunuh dalam perang Uhud setelah berlalu lapan tahun, sebagaimana solat tinggal kepada orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati". At-Thahawiy meriwayatkan dalam Syarhul Ma'aniy, dari Ibnu Zubair dengan sanad yang hasan, "Bahawa didatangkan kepada Rasulullah SAW sembilan mayat dan Hamzah adalah yang kesepuluh, lalu baginda mensolatkan mereka". Abu Daud juga meriwayatkan dari Abu Salam dari seorang sahabat Nabi SAW, dia berkata, "Kami menyerang sebuah pemukiman Juhainah. Lalu salah seorang dari kaum Muslimin berlawan dengan salah seorang dari mereka. Lalu dia memukul orang tersebut (dengan senjata), tetapi tersalah dan mengenai dirinya sendiri. Maka Rasulullah SAW bersabda, 'Saudara kalian wahai kaum Muslimin'. Orang-orang lalu mendatangi dan mendapatinya telah mati. Rasulullah SAW membungkusnya dengan pakaian dan darahnya, mensolatkannya dan memakamkannya. Para sahabat bertanya, 'Wahai Rasulullah, apakah dia syahid? Baginda menjawab, 'Ya, dan aku adalah saksi baginya".

Kesemua hadis di atas adalah *tsabit* (kuat), baik yang meriwayatkan bahawa Nabi SAW mensolatkan orang yang mati syahid mahupun yang meriwayatkan bahawa baginda tidak mensolatkannya. Adakah wujudnya pertentangan di sini sehingga perlu menolak salah satu darinya atau perlu *ditarjih* hadis-hadis ini? Sesungguhnya tidak wujud pertentangan di antara hadis-hadis ini kerana semuanya *tsabit* dan kesemuanya dapat dijadikan hujah, baik secara *riwayah* mahupun *diarayah*. Juga, tidak ada jalan untuk *mentarjih* (menguatkan) salah satunya atas yang lain, kerana mustahil para sahabat lupa terjadinya solat atas syuhada' sebagaimana mustahil mereka lupa ditinggalkannya solat tersebut atas syuhada'. Justeru, kesimpulan hukum yang ditarik di sini adalah, *jaiz* (boleh) hukumnya untuk mensolatkan dan *jaiz* untuk tidak mensolatkan syuhada' kerana kedua-dua amalan ini ditunjukkan oleh Nabi SAW [sila lihat perbincangan penuh bab ini di dalam *Asy-Syakhsiyah Al-Islamiyyah* Jilid II, Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani].

### Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Berdasarkan fakta yang terjadi ke atas Allahyarham Noramfaizul dan berdasarkan nas-nas yang dipaparkan, kita sesungguhnya telah boleh menilai samada kematian jurakamera BernamaTV itu adalah syahid atau tidak. Sesungguhnya mati syahid (dunia dan akhirat) adalah satu kematian yang amat mulia. Dan tidak ada seorang Muslim pun yang boleh meragui bahawa matinya seorang Muslim di dalam *jihad fi sabilillah* merupakan sebuah kesyahidan. Malangnya, jika ada di kalangan kita yang ingin berjihad dengan penuh keikhlasan di Palestin, Pakistan, Afghanistan dan tempat-tempat lain di mana umat Islam diperangi dan dibunuh oleh golongan kuffar, maka sudah barang pasti akan dicop oleh pemerintah sebagai 'pengganas' dan sudah barang pasti akan di'ISA'kan atau dikejar hingga ke lubang cacing. Namun, jika kita menyertai misi kemanusiaan di bawah anjuran UMNO atau 1Malaysia, maka kita akan dicop sebagai wira, itupun jika kita terkorban! Sesungguhnya pemerintah kita telah benar-benar tersasar dari ajaran Rasulullah SAW yang sangat cintakan jihad fi sabilillah. Sabda baginda, "Allah menjamin orang-orang yang berjihad dijalanNya, dia tidak keluar dari rumahnya kecuali untuk berjihad dijalanNya dan membenarkan kalimatNya bahawa Dia akan memasukkannya ke dalam syurga, atau mengembalikannya ke tempat tinggalnya yang dia keluar darinya dengan membawa pahala dan ghanimah yang didapatkannya.....Demi Dzat yang jiwa Muhammad ada ditanganNya, sungguh aku ingin terbunuh di jalan Allah, lalu aku hidup lalu terbunuh, lalu aku hidup lalu terbunuh, lalu aku hidup lalu aku terbunuh" [HR Bukhari & Muslim].